

Usah pertikai statistik ekuiti Bumiputera: TPM

Kerajaan tetap pertahan perangkaan rasmi dikeluarkan EPU

Oleh Anwar Hussin, Rohaniza
Idris dan Wan Faizal Ismayatim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berharap tidak ada sesiapa pun yang akan mempertikaikan perangkaan rasmi kerajaan berhubung pemilikan ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap mempertahankan data rasmi berhubung ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Kita sudah terangkan perkara ini melalui kenyataan terbuka mengenai asas perkiraan yang dibuat EPU selama ini dan pihak tertentu pun memahami asas digunakan EPU," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada Angkatan Tentera Malaysia di Kementerian Pertahanan di sini semalam.

Najib berkata, beliau berharap perkara itu difahami dan tidak dipertikai oleh sesiapa.

"Mungkin pada peringkat mulanya perbalahan itu boleh dilihat sebagai perbincangan intelektual tetapi kalau menyentuh soal yang sensitif ia boleh menyinggung perasaan kaum tertentu dan boleh disifatkan sebagai hasutan walaupun tidak bertujuan sedemikian," kata Najib.

Beliau mengulas mengenai kajian yang dilakukan oleh Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) yang mengatakan pemilikan Bumiputera dalam ekonomi negara sudah mencapai 45 peratus, lebih daripada angka yang dikeluarkan kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi.

Berikutan itu, pada Ahad lalu, Asli memohon maaf berhubung laporan itu dan Presidennya, Mirzan Mahathir menjelaskan bahawa kajian Asli itu menggunakan andaian yang salah yang akhirnya menghasilkan kesimpulan yang tidak tepat.

Kelmarin, Pengarah Pusat Pengajian Dasar Awam Ash, Dr Lim Teck Ghee, yang mengetuai kajian itu, mengemukakan peletakan jawatannya dan mempertahankan hasil kajian itu.

Najib berkata, kerajaan berharap semua pihak akan mengambil sikap bertanggungjawab berhubung isu itu kerana implikasinya besar. Lebih baik jika ia (hasil kajian itu) dikemukakan kepada kerajaan daripada diumumkan kepada umum," katanya.

Sementara itu di MACHANG, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Dr Lim perlu bertanggungjawab terhadap kajian kontroversi mengenai ekuiti Bumiputera dan bukannya masih mempertahankan hasil kajian itu.

Katanya, Lim sepatutnya mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini yang gusar berikutan laporan hasil kajian itu yang tidak berasas.

"Saya fikir dia tidak bertanggungjawab...dia kena berhati-hati membuat kajian. Saya diberitahu kera-

*"Kita tidak mahu
sebarang perkara
yang dilakukan
menimbulkan
perbalahan"*

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

jaan ada buat kajian berdasarkan lebih 3,000 sumber tetapi dia cuma ada beberapa ratus sumber saja dan terus buat keputusan tanpa asas kukuh.

"Kajian ini boleh menaikkan kemarahan rakyat termasuk bukan Bumiputera. Orang Melayu dan Bumiputera pun marah sebab itu bukan angka sebenar.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, pakar Ekonomi, Prof Datuk Dr Ismail Md Salleh, berkata orang ramai perlu menerima permohonan maaf Asli yang sudah mengaku wujud kelemahan dalam proses mengumpul maklumat dan membuat rumusan bagi laporannya mengenai Bumiputera menguasai 45 peratus ekuiti korporat Malaysia.